

Switzerland 'sasaran baru' baru PM

UM 10 JUN 2002

Daripada **AZIZ ISHAK**

ZURICH 9 Jun -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Switzerland dengan misi utama menjana pelaburan asing dan meningkatkan hubungan dua hala dengan sebuah lagi negara yang berpengaruh dalam arena antarabangsa.

Switzerland yang merupakan pusat perbankan dunia, pusat teknologi tinggi dan aktif dalam pelbagai institusi antarabangsa, adalah 'sasaran terbaru' Dr. Mahathir bagi memasarkan Malaysia terutamanya sebagai destinasi pelaburan.

Ia merupakan lawatan rasmi pertama Perdana Menteri walaupun beliau pernah beberapa kali mengunjungi Switzerland seperti menghadiri forum ekonomi dan seminar antarabangsa.

"Lawatan Perdana Menteri adalah cukup signifikan dan tepat pada masanya ketika Switzerland

semakin berada dalam kedudukan penting dan berpengaruh dalam arena antarabangsa," kata Duta Malaysia ke Switzerland, Jerman dan Greece, Datuk Kadir Deen kepada wartawan Malaysia di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan anggota-anggota delegasi Malaysia mempunyai atur cara yang padat sepanjang berada di Zurich sehingga esok sebelum meneruskan perjalanan ke Geneva. Selasa ini bagi menghadiri Persidangan Buruh Antarabangsa.

Ucuptama

Beliau juga dijadualkan menemui tokoh-tokoh perbankan utama seperti UBS AG dan Credit Suisse, menyampaikan ucuptama mengenai hubungan ekonomi kedua-dua negara dan melawat Sauber Motorsports AG/Sauber Petronas Engineering (SPE) AG.

Lawatannya ke Sauber yang akan diiringi oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin adalah bagi meninjau program

pembangunan enjin untuk kereta dan motosikal rekaan jurutera Malaysia.

Malam ini, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dan dialog dengan kira-kira 300 orang rakyat Malaysia di sini.

Dalam pada itu difahamkan, perbincangan antara Dr. Mahathir dan Caspar Villiger akan menyentuh pelbagai perkara daripada soal hubungan dua hala sehinggalah kepada soal globalisasi.

Kedua-dua pemimpin itu yang juga kebetulan merupakan menteri kewangan negara masing-masing akan turut membincangkan kerjasama ekonomi selain bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu berkaitan ekonomi dunia.

Negara itu yang terkenal sejak sekian lama dengan gagasan bebas dan berkecuali neutrality kini dalam proses untuk menjadi negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Setakat ini, Malaysia dan Switzerland mempunyai hubungan yang baik sama ada di peringkat ke-

rajaan mahupun di peringkat swasta. Malah Switzerland adalah antara negara yang menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Malavsia termasuk penetapan ringgit berbanding mata wane, Amerika Syarikat dan menangani kegawatan ekonomi tanpa bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Di kalangan pemimpin dan sektor perniagaan di negara ini, Malaysia mempunyai imej yang baik dan Dr. Mahathir dikagumi sebagai tokoh yang berwawasan dan bijak dalam menjadikan Malaysia sebuah negara berdaya maju.

Sempena lawatan Perdana Menteri, difahamkan, kerajaan Malaysia akan mengambil kesempatan kepada kerajaan Switzerland atas kerjasama dalam membantu kes siasatan Perwaja yang masih berjalan.

Malah, delegasi Malaysia dalam sesi perbincangan dua hala turut dianggotai oleh pegawai kanan Badan Pencegah Rasuah (BPR). — Utusan

pasarkan Malaysia